


# PKS perlu perkasa teknologi digital

**Kuala Lumpur:** Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta mikro perlu memperkasakan penggunaan teknologi digital bagi menghadapi senario perniagaan yang berbeza disebabkan pandemik COVID-19.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata situasi pasca pandemik ini akan berbeza dan tidak mudah untuk mengangap bahawa keadaan akan kembali seperti biasa.

Beliau berkata, COVID-19 secara tidak langsung melonjakkan penggunaan teknologi dalam kehidupan seharian termasuk perniagaan.

"Pendigitalan adalah elemen penting bukan sahaja untuk me-



**Wan Junaidi Tuanku Jaafar**

mulihkan perniagaan, tetapi juga apabila memulakan sesuatu perniagaan.

"COVID-19 sudah mengubah gaya hidup kita semua. Dengan pergerakan dan pertemuan yang terhad, penggunaan aplikasi digital semakin meluas.

"Ini sekali gus mendorong dan menjadi pemangkin untuk meningkatkan keupayaan penggunaan teknologi maklumat," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Wan Junaidi sebelum itu menghadiri sesi Townhall bersama Persatuan dan Dewan Perniagaan Kelantan bagi membolehkan MEDAC mendapatkan maklumbalas secara terus daripada usahawan di negeri itu.

Mengulas lanjut, Wan Junaidi berkata, pada 2020 MEDAC menerusi SME Corp Malaysia memainkan peranan dalam memudahkan cara 7,851 perusahaan mikro, termasuk usahawan Bumiputera untuk mengadaptasi teknologi digital (e-dagang) dalam operasi perniagaan masing-masing me-

nerusi Program Micro Connector.

Beliau berkata, program itu antara inisiatif berterusan oleh SME Corp bagi membangunkan perusahaan mikro dan komuniti isi rumah B40.

SME Corp juga katanya melaksanakan Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) bagi meningkatkan daya saing PKS Bumiputera menerusi bantuan bersepadu yang meliputi khidmat nasihat, bantuan teknikal, latihan dan sokongan kewangan dalam bentuk geran bersamaan.

Sehingga Disember 2020 katanya, sebanyak 1,212 permohonan sudah diluluskan dengan nilai geran berjumlah RM175.4 juta di bawah program BEEP.